AmBank Bhd lwn PSC Industries Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO D3–22–603 TAHUN 2005
ABDUL ALIM PK
12 OCTOBER 2006

Acara Sivil — Penghakiman terus — Rayuan — Permohonan untuk mengetepikan — Sama ada terdapat isu yang boleh dibicarakan — Sama ada sijil keberhutangan konklusif

Defendan berhutang dengan plaintif untuk sejumlah RM3,094,117.56 dan faedah sebanyak RM62,040.07 serta faedah ingkar sebanyak RM1,274.68 setakat 31 Mac 2005 bagi kemudahan pinjaman terma yang disediakan oleh defendan. Plaintif atas permintaan defendan telah bersetuju untuk memberi dan menyediakan kepada defendan kemudahan pinjaman terma yang berjumlah RM6,294,355.75. Defendan telah menggunakan kemudahan itu dan memungkiri syarat-syarat perjanjian apabila gagal membuat bayaran yang tertunggak. Plaintif telah membuat tuntutan terhadap defendan. Plaintif telah mengemukakan sijil keberhutangan ('certificate of indebtedness'). Ini adalah rayuan oleh defendan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Surat tawaran plaintif adalah untuk kemudahan 'trade' yang berjumlah RM4j dan kemudahan overdraf sebanyak RM1j kepada defendan. Kemudahan-kemudahan ini tertakluk kepada pemindahan atau pembaharuan seperti yang dinyatakan dalam surat-surat plaintif. Plaintif menukar jumlah-jumlah yang tertunggak di bawah kemudahan overdraf dan kemudahan kredit berputar itu kepada kemudahan pinjaman terma atas permintaan defendan (lihat perenggan 19–21).

(2) Resolusi Lembaga Pengarah defendan telah diluluskan pada 28 November 1994 untuk menerima kemudahan-kemudahan 'trade' berjumlah RM4j dan kemudahan overdraf berjumlah RM1j seperti dalam surat tawaran plaintif dan pada 22 Mac 2002 resolusi telah diluluskan untuk menerima penukaran jumlah yang tertunggak atas kemudahan overdraf dan kredit berputar kepada kemudahan pinjaman terma (lihat perenggan 22).

(3) Surat tawaran plaintif bertarikh 11 September 1997 yang didakwa oleh defendan tidak ditandatangani sebagai penerimaan adalah merupakan satu surat pembaharuan dan surat lanjutan dari terma-terma surat tawaran plaintif yang pertama. Defendan tidak membantah kepada surat tawaran plaintif

bertarikh 17 Disember 1997 ini. Semua pindaan dan perubahan adalah melalui surat-surat plaintif dan ia tidak pernah dicabar oleh defendan sebelum ini (lihat perenggan 23).

(4) Selain daripada itu, defendan juga telah menandatangani perjanjian am atas kemudahan-kemudahan itu dan duti setem telah dibayar atas dokumen itu. Adalah tidak berasas dakwaan defendan bahawa plaintif gagal membuat bayaran duti setem untuk surat-surat tawarannya (lihat perenggan 29).

(5) Mengenai dakwaan defendan bahawa plaintif gagal menjelaskan apakah syarat-syarat dan dokumen yang terpakai sebelum kemudahan 'trade' itu boleh digunakan seperti dalam surat tawaran pertama plaintif bertarikh 16 November 1994, defendan tidak pernah bertanya mengenai pemberian kemudahan 'trade' dan overdraf berdasarkan surat itu. Apa yang jelas, sebaik sahaja menerima surat tawaran bertarikh 16 November 1994, defendan memohon supaya kemudahan 'trade' dan kemudahan overdraf boleh digunakan (lihat perenggan 31–32).

(6) Sijil keberhutangan yang dikemukakan oleh plaintif adalah untuk mengesahkan jumlah-jumlah yang terhutang dan tertunggak oleh defendan di bawah kemudahan pinjaman terma itu dan defendan gagal menunjukkan apakah kesilapan nyata dalam sijil hutang tersebut. Sijil itu adalah konklusif (lihat perenggan 35).

[English summary

The defendant owed the plaintiff a sum of RM3,094,117.56 and interest in the sum of RM62,040.07 as well as default interest of RM1,274.68 until 31 March 2005 for the term facility prepared by the defendant. The plaintiff upon the defendant's request agreed to give and prepare the term loan facility in the sum of RM6,294,355.75. The defendant used that facility and defaulted in the terms of agreement when he failed to make outstanding payment. The plaintiff made demands to the defendant. The plaintiff produced the certificate of indebtedness. This was an appeal by the defendant against the decision of the deputy registrar which allowed the plaintiff's application to enter summary judgment against the defendant.

Held, dismissing the appeal:

(1) The plaintiff's offer is for the 'trade facility' in the sum of RM1m and the overdraft facility in the sum of RM1m to the defendant. The facilities are subject to the transfer and changes as stated in the plaintiff's letter. The plaintiff changed the outstanding sum under the overdraft facility and revolving credit facility to term loan facility upon the defendant's request (see paras 19–21).

(2) The defendant's board of directors's resolution was approved on 28 November 1994 to receive the 'trade' facility in the sum of RM4m and overdraft facility in the sum of RM1m as in the plaintiff's letter of offer and on 22 March 2002,

a resolution was passed to receive the change in the outstanding sum upon the overdraft facility and revolving credit facility to the term loan facility (see para 22).

(3) The plaintiff's letter of offer dated 11 September 1997 claimed by the defendant was not signed as acceptance was a change in letter and furtherance letter from the terms of the plaintiff's first letter of offer. The defendant did not object to the plaintiff's letter of offer dated this 17 December 1997. All amendments and changes were via the plaintiff's letter and they were never challenged by the defendant before this (see para 23).

(4) Despite this, the defendant also signed a general agreement upon that facility and the stamp duty was paid on the document. The defendant's accusation that the plaintiff failed to pay stamp duty for its letters of offer was baseless (see para 29).

(5) As regards the defendant's accusations that the plaintiff failed to explain the terms and used documents before the 'trade facility' was used as in the first plaintiff's letter of offer dated 16 November 1994, the defendant had never asked about giving the trade facility and overdraft based on that letter. What was clear as soon as the letter of offer dated 16 November 1994 was received was that the defendant applied so that the trade and the overdraft facility could be used (see paras 31–32).

(6) The debt certificate produced by the plaintiff was to confirm the debt and amount outstanding by the defendant under the term loan facility and the defendant failed to show what the clear mistake was in the said debt certificate. The said certificate was conclusive (see para 35).]

Nota-nota

Untuk kes-kes rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 6070–6188.

Kes-kes yang dirujuk

Cempaka Finance Bhd v Ho Lai Ying & Anor [2006] 2 MLJ 685 (dirujuk)
Citibank NA v Ooi Boon Leong & Ors [1981] 1 MLJ 282 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Setem 1949

Fahri Azzat (Azzat & Izzat) bagi pihak defendan.
Jayanthini (Shearn & Delamore) bagi pihak plaintif.

Abdul Alim PK:

[1] Ini adalah rayuan oleh defendan terhadap keputusan timbalan pendaftar pada 25 Januari 2006 yang membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan

penghakiman terus terhadap defendan. Mahkamah ini telah mengekalkan keputusan timbalan pendaftar dan seterusnya menolak rayuan defendan dengan kos.

KES PLAINTIF

[2] Defendan adalah berhutang dengan plaintif untuk sejumlah RM3,094,117.56 dan faedah sebanyak RM62,040.07 serta faedah ingkar sebanyak RM1,274.68 setakat 31 Mac 2005 bagi kemudahan pinjaman terma yang disediakan oleh defendan.

[3] Plaintif atas permintaan defendan telah bersetuju untuk memberi dan menyediakan kepada defendan kemudahan pinjaman terma yang berjumlah RM6,294,355.75 (sila rujuk lampiran 4, eksh CL-1).

[4] Antara terma dan syarat perjanjian adalah:

(i) Defendan hendaklah dalam cara yang ditetapkan dalam perjanjian itu membayar dengan tepat kemudahan pinjaman terma itu dan semua kos dan faedah yang dikenakan.

(ii) Jika defendan gagal membuat bayaran maka ia hendaklah membayar kepada plaintif faedah keingkaran sebanyak 1% setahun yang melebihi tempoh faedah yang ditetapkan dari tarikh jumlah tertunggak sehinggalah pembayaran penuh diterima.

(iii) Jika terdapat keingkaran maka defendan perlu membayar jumlah tertunggak dengan segera dan jika gagal plaintif berhak memulakan tindakan undang-undang atas jumlah yang tertunggak dan membatalkan kemudahan itu.

[5] Defendan telah menggunakan kemudahan itu dan memungkiri syarat-syarat perjanjian apabila gagal membuat bayaran yang tertunggak.

[6] Plaintif melalui peguamnya telah membuat tuntutan terhadap defendan (lampiran 4, eksh CL-3).

[7] Plaintif telah mengemukakan sijil keberhutangan ('certificate of indebtedness') seperti di lampiran 4, eksh CL-4.

KES DEFENDAN

[8] Berdasarkan surat tawaran bertarikh 16 November 1994, plaintif pada mulanya telah memberi kepada defendan satu kemudahan pinjaman sebanyak RM5j yang merangkumi 'Letters of Credit, Trust Receipts, Shipping Guarantee, Bankers Acceptance, Bank Guarantee dan Revolving Credit'.

[9] Selepas surat tawaran pertama, plaintif mengeluarkan surat-surat tawaran bertarikh 11 September 1997, 17 Disember 1997, 23 Februari 1998, 2 Mac 1998, 30 September 1998 dan 19 Mac 2002 bagi menukar terma-terma asal untuk kemudahan-kemudahan itu.

[10] Surat tawaran terakhir bertarikh 19 Mac 2002 telah menukar jumlah tertunggak setakat 31 Disember 2000 sebanyak RM6,294,355.75 di bawah 'Overdraft' dan 'Revolving Credit kepada kemudahan pinjaman berpenggal.

[11] Surat tawaran pertama plaintif adalah merupakan satu instrumen yang tertakluk kepada bayaran duti di bawah Akta Setem 1949 dan tiada duti dibayar untuk itu (sila rujuk lampiran 4, eksh CL-1).

[12] Oleh itu, surat-surat tawaran itu tidak boleh diterima sebagai bahan bukti mahkamah.

[13] Surat tawaran pertama juga telah ditandatangani oleh defendan tanpa resolusi Lembaga Pengarah syarikat yang membenarkan penerimaan terhadap tawaran yang dibuat oleh plaintif.

[14] Jika rujuk kl 11 dalam surat tawaran pertama ia menyebut '… Upon fulfilment of all applicable conditions and documentation'. Surat tawaran pertama ini gagal menjelaskan apakah syarat-syarat yang terpakai dan perlu dipatuhi sebelum 'trade facilities' boleh digunakan oleh defendan.

[15] Surat tawaran bertarikh 11 September 1997 yang dikemukakan pada lampiran 4, eksh CL-7 telah tidak ditandatangani oleh defendan sebagai tanda penerimaan atau persetujuan terhadap variasi atas terma-terma asal surat tawaran pertama khasnya variasi kadar faedah, ini menjadikan surat tawaran bertarikh 11 September 1997 adalah tidak sah dan tidak terpakai.

[16] Defendan juga tidak mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah atas variasi surat-surat tawaran itu.

[17] Plaintif juga tidak mengemukakan penyata akaun yang menyenaraikan butir-butir lengkap bagi menunjukkan dan mengesahkan hutang defendan, maka catatan dalam sijil hutang di lampiran 4, eksh CL-4 dipertikaikan.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[18] Tiada merit dalam rayuan defendan di sini. Fakta yang jelas terbentang memihak kepada kes plaintif.

[19] Mengenai kedudukan surat tawaran bertarikh 16 November 1994, adalah dijelaskan surat tawaran itu adalah untuk kemudahan 'trade' yang berjumlah RM4j dan kemudahan overdraf sebanyak RM1j kepada defendan.

[20] Kemudahan-kemudahan ini tertakluk kepada pemindahan atau pembaharuan seperti yang dinyatakan dalam surat-surat plaintif di lampiran 4, eksh CL-1.

A **[21]** Plaintif akhirnya menukar jumlah-jumlah yang tertunggak di bawah kemudahan overdraf dan kemudahan kredit berputar itu kepada kemudahan pinjaman terma atas permintaan defendan (sila rujuk lampiran 4, eksh CL-1 di ms 43).

B **[22]** Mengenai resolusi Lembaga Pengarah defendan, ia telah diluluskan pada 28 November 1994 yang menerima kemudahan-kemudahan 'trade' berjumlah RM4j dan kemudahan overdraf berjumlah RM1j seperti dalam surat tawaran plaintif bertarikh 16 November 1994 dan pada 22 Mac 2002 resolusi telah diluluskan untuk menerima penukaran jumlah yang tertunggak atas kemudahan overdraf dan kredit berputar kepada kemudahan pinjaman terma atas syarat-syarat yang terkandung C dalam surat bertarikh 19 Mac 2002 (sila rujuk lampiran 6A, eksh CL-5 dan lampiran 4, eksh CL-1 di ms 43).

[23] Mengenai kedudukan surat tawaran bertarikh 11 September 1997 yang didakwa oleh defendan tidak ditandatangani sebagai penerimaan, ia merupakan satu D surat pembaharuan dan surat lanjutan dari terma-terma surat tawaran plaintif yang pertama bertarikh 16 November 1994 (sila rujuk lampiran 4, eksh CL-1 di ms 33).

[24] Setelah memeriksa kembali kemudahan 'trade yang berjumlah RM4j dan kemudahan overdraf yang berjumlah RM1j, plaintif telah memaklumkan kepada E defendan bahawa kemudahan-kemudahan 'trade' ini (hadnya telah) dikurangkan dari RM4j kepada RM2j dan juga dibutirkan perubahan kadar-kadar faedah atas kemudahan 'trade' dan kemudahan overdraf.

[25] Atas permohonan defendan selanjutnya agar diteruskan dengan kemudahan-kemudahan 'trade' sebanyak RM4j atau melanjutkan masa untuk F membayar jumlah yang tertunggak jika pengurangan had RM2j dikekalkan, plaintif bersetuju untuk menghidupkan kembali kemudahan kredit berputar kepada RM4j atas syarat-syarat yang terkandung dalam surat had kemudahan itu (sila rujuk lampiran 6A, eksh CL-6).

G **[26]** Defendan tidak membantah kepada surat plaintif bertarikh 17 Disember 1997 ini dan memohon perlanjutan masa sehingga 31 Disember 1998 (sila rujuk lampiran 6A, eksh CL-7).

[27] Plaintif bersetuju untuk menangguhkan pengurangan RM2j kemudahan H 'trade' kepada 31 Disember 1998 seperti permintaan defendan dan Lembaga Pengarah defendan bersetuju dengan permohonan ini (sila rujuk lampiran 6A, eksh CL-8).

[28] Apa yang jelas, semua pindaan dan perubahan adalah melalui surat-surat I plaintif di lampiran 4, eksh CL-1 dan ia tidak pernah dicabar oleh defendan sebelum ini.

[29] Selain daripada surat-surat tawaran itu, defendan juga telah menandatangani perjanjian am atas kemudahan-kemudahan itu dan duti setem telah dibayar atas dokumen itu (sila rujuk lampiran 6A, eksh CL-9).

[30] Oleh itu adalah tidak berasas dakwaan defendan bahawa plaintif gagal membuat bayaran duti setem untuk surat-surat tawarannya. **A**

[31] Mengenai dakwaan defendan bahawa plaintif gagal menjelaskan apakah syarat-syarat dan dokumen yang terpakai sebelum kemudahan 'trade' itu boleh digunakan seperti dalam kl 11 surat tawaran pertama plaintif bertarikh 16 November 1994, defendan tidak pernah bertanya mengenai pemberian kemudahan 'trade' dan overdraf berdasarkan surat itu. **B**

[32] Apa yang jelas, sebaik sahaja menerima surat tawaran bertarikh 16 November 1994, defendan memohon supaya kemudahan 'trade' dan kemudahan overdraf boleh digunakan (sila rujuk lampiran 6A, eksh CL-10). **C**

[33] Jika sekalipun terdapat terma-terma dan pra syarat kepada pembayaran untuk kemudahan tersebut ia adalah syarat biasa dalam surat pinjaman dan jika merujuk surat tawaran plaintif bertarikh 16 November 1994, kl 13 menyatakan bahawa pra syarat kepada pembayaran tidak terpakai bagi kemudahan ini (sila rujuk lampiran 4, eksh CL-1 ms 22). **D**

[34] Selain itu surat tawaran bertarikh 16 November 1994 tidak menyatakan mengenai sebarang dokumen tambahan ataupun sekuriti yang perlu disediakan sebagai pra syarat. **E**

[35] Mengenai sijil keberhutangan yang dikemukakan oleh plaintif di lampiran 4, eksh CL-4, ia adalah untuk mengesahkan jumlah-jumlah yang terhutang dan tertunggak oleh defendan di bawah kemudahan pinjaman terma itu dan defendan gagal menunjukkan apakah kesilapan nyata dalam sijil hutang tersebut. Sijil itu adalah konklusif. Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Citibank NA v Ooi Boon Leong & Ors* [1981] 1 MLJ 282, Raja Azlan Shah, Hakim Besar Malaya (sebagaimana YMM pada masa itu) memperkatakan seperti berikut (at p 284): **F**

> We have often said in this court many a time that where the issues are clear and the matter of substance can be decided once and for all without going to trial there is no reason why the assistant registrar or the judge in chambers, or, for that matter, this court shall not deal with the whole matter under the RSC O 14 procedure. In the present case, the guarantee contains a clause which enables the bank by producing a certificate of indebtedness by its officer to dispense with legal proof of the actual indebtedness of the respondents. It means that, for the purpose of fixing liability of the respondents, the company's indebtedness may be ascertained conclusively by a certificate. **G**

Sila lihat juga autoriti Mahkamah Persekutuan terkini yang menyokong ratio yang sama dalam kes *Cempaka Finance Bhd v Ho Lai Ying & Anor* [2006] 2 MLJ 685. **H**

[36] Apa yang jelas adalah plaintif telah membenarkan penggunaan kemudahan-kemudahan itu oleh defendan selepas perjanjian am ditandatangani dan surat tawaran bertarikh 16 November 1994 diterima oleh defendan. **I**

KEPUTUSAN

[37] Kesimpulannya, defendan tidak mempunyai pembelaan bermerit atas tuntutan plaintif dan tiada isu untuk dibicarakan dan adalah wajar satu penghakiman

A terus dimasukkan terhadap defendan. Keputusan timbalan pendaftar dikekalkan. Mahkamah ini menolak rayuan defendan dengan kos.

Rayuan defendan ditolak dengan kos.

B

Reported by Peter Ling

C

D

E

F

G

H

I